

14 NOV 2001

Deepavali-Sambutan (Rangkuman)

DEEPAVALI SEDERHANA TETAPI TETAP MERIAH DENGAN TRADISI RUMAH TERBUKA

KUALA LUMPUR, 14 Nov (Bernama) -- Perayaan Deepavali atau Pesta Cahaya tahun 2001 disambut secara sederhana tetapi tidak kurang meriah diraikan masyarakat Malaysia beragama Hindu di seluruh negara hari ini.

Perayaan "kemenangan pihak baik melawan kejahatan" itu diceriakan lagi dengan tradisi mengunjungi rumah terbuka yang merupakan amalan masyarakat majmuk Malaysia.

Amalan ini menyaksikan rakyat pelbagai kaum dan agama mengunjungi rumah jiran tetangga, rakan sekerja dan tidak ketinggalan kediaman pemimpin kaum yang menyambut hari kebesaran ini.

Walaupun dunia dibayangi kesuraman ekoran serangan penganas 11 Sept ke atas Amerika Syarikat dan serangan kuasa besar itu dan sekutunya ke atas Afghanistan, keceriaan mewarnai wajah masyarakat Hindu dan rakyat Malaysia yang mengunjungi rumah terbuka sempena cuti umum hari ini.

Media massa terutama elektronik, setiap tahun sejak awal pagi memberi liputan meluas terhadap acara rumah terbuka ini selaras dengan dasar kerajaan Barisan Nasional menggalakkan amalan itu bagi mempupuk perpaduan kaum yang penting untuk keamanan dan kestabilan negara yang mempunyai pelbagai kaum seperti Malaysia.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali menjadi contoh teladan amalan ini dengan mengunjungi rumah terbuka Menteri Kerja Raya Datuk Seri S. Samy Vellu yang juga Presiden MIC di dewan Sekolah Menengah Chung Hwa Jalan Ipoh di sini pagi ini.

Beliau dan isteri turut menjunjung rumah Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwah Pengguna Datuk S. Subramaniam yang juga timbalan presiden MIC di Dewan Sivik, Jalan Yong Shook Lin, Petaling Jaya.

Pada sebelah petang pula, Dr Mahathir dan isteri dijadual mengunjungi Majlis Rumah Terbuka Deepavali Malaysia anjuran Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan di Istana Budaya. Menteri berkenaan Datuk Abdul Kadir Syeikh Fadzir turut hadir.

Partai Gerakan yang turut dianggotai oleh rakyat India beragama Hindu juga mengadakan majlis rumah terbuka di Menara PGRM, Cheras di sini.

Penganut Hindu menyambut perayaan Deepavali dengan upacara mandi minyak atau mandi rempah pada awal pagi ini diikuti dengan upacara sembahyang di kuil.

Pada pagi ini juga ketua keluarga dalam setiap rumah penganut agama Hindu memberi pakaian baru kepada anggota keluarga masing-masing.

Di JOHOR BAHRU, sambutan perayaan Deepavali berlangsung meriah dengan penganut agama Hindu tidak ketinggalan mengadakan rumah terbuka untuk sahabat handai dan saudara mara.

Kunjungan mesra sahabat handai dan saudara mara itu bukan sahaja memeriahkan sambutan perayaan Deepavali malah mengeratkan lagi hubungan siratulrahim.

Kawasan Jalan Segget di sini yang menjadi gerai jualan "Little India" pada musim perayaan itu menjadi tumpuan masyarakat India yang beragama Hindu untuk membeli-belah pada saat-saat terakhir khususnya kuih muih, pakaian dan peralatan upacara sembahyang.

Di PERLIS, sambutan Deepavali disambut sederhana tetapi agak meriah dengan beberapa pemimpin parti MIC mengadakan rumah terbuka.

Dengan berpakaian baru, mereka menyambut perayaan itu dengan gembira malah kakitangan awam beragama Hindu menyifatkan bonus setengah bulan gaji

atau sekurang-kurangnya RM1,000 yang mereka terima sebagai hadiah sambutan itu.

Ketua Pemuda MIC Perlis, S. Sreetharan mengadakan rumah terbukanya di Arau dengan menerima kehadiran masyarakat berbilang kaum.

Beliau yakin Deepavali akan terus disambut dengan penuh harmoni kerana Malaysia sebuah negara yang aman dan makmur.

Di ALOR SETAR sambutan Deepavali turut meriah dengan rakyat bukan Hindu mengunjungi rakan-rakan mereka yang menyambut perayaan itu.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Perpaduan dan Kebajikan Masyarakat Datuk V. Saravanan mengadakan rumah terbuka di kediamannya di Taman Petani Jaya Sungai Petani hari ini. Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain dijadualkan menghadiri rumah terbuka itu petang ini.

Di KOTA KINABALU, sambutan Deepavali berlangsung sederhana dengan penganut agama Hindu mengunjungi rakan-rakan dan saudara masing-masing.

Walaupun bilangan penganut agama itu adalah kecil di negeri ini tetapi ia tidak menghalang kemeriahan sambutan melalui tradisi rumah terbuka bagi membolehkan rakan-rakan dan jiran-jiran sama-sama merayakannya.

Antara yang mengadakan rumah terbuka untuk orang ramai ialah MIC Sabah di Dewan Serbaguna Tanjung Aru dekat sini mulai pukul 6 petang hingga 10 malam.

Di MELAKA, penganut agama Hindu mengunjungi kuil sejak awal pagi sebelum mengadakan rumah terbuka untuk meraikan tetamu berbilang bangsa.

Tempat rekreasi dan pelancongan di sini turut menerima kunjungan bilangan pelawat yang ramai bersempena dengan cuti penggal persekolahan.

Antara tempat yang dibanjiri pelawat ialah Kompleks Sejarah Bandar Hilir, Taman Rekreasi Ayer Keroh, Taman Rama-rama, Zoo Melaka dan kawasan perkhelahan di pantai Kelebang dan Tanjung Bidara.

Di SEREMBAN, Menteri Besar Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad dan isteri Puan Sri Hazizah Tumin turut berkunjung ke rumah terbuka beberapa pemimpin negeri yang beragama Hindu di sini.

Mereka berdua berkunjung ke rumah terbuka bekas seorang pemimpin veteran MIC yang juga bekas anggota Exco kerajaan negeri Datuk Muthu Palaniappan di Jalan Labu Lama di sini.

Beliau meluangkan masa kira-kira 30 minit untuk beramah mesra dengan pemimpin dan orang ramai yang berkunjung ke situ.

Turut mengadakan rumah terbuka ialah Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan S. Sothinathan di rumahnya di Jalan Tanjung Kemuning, Port Dickson.

Di KUALA TERENGGANU, sambutan perayaan Deepavali begitu meriah kerana keadaan cuaca yang agak redup walaupun penganut agama hindu tidak begitu ramai di negeri ini.

Seperti di negeri-negeri lain, masyarakat beragama lain di negeri Terengganu pun turut memeriahkan suasana dan mengunjungi rumah rakan-rakan beragama Hindu itu.

Di PULAU PINANG, perayaan Deepavali disambut meriah oleh penduduk tempatan beragama Hindu dan masyarakat berbilang kaum yang mengunjungi rakan-rakan mereka yang mengadakan rumah terbuka sempena perayaan itu.

Pengerusi Parti Progresif Rakyat Malaysia (PPP) negeri Datuk M. Logabala turut mengadakan rumah terbuka di kediamannya di Taman Bukit, Bukit Mertajam.

Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon, timbalannya Datuk Dr Hilmi Yahaya, Speaker Dewan Undangan Negeri Datuk Yahaya Abdul Hamid serta beberapa Anggota Exco Kerajaan Negeri turut memeriahkan majlis tersebut.

Sementara itu, orang ramai turut mengambil kesempatan daripada cuti perayaan dan cuti sekolah kali bagi mengunjungi Pesta Pulau Pinang, pusat membeli-belah, tempat-tempat menarik di sekitar negeri ini termasuk pantai Batu Feringghi, Tanjung Bungah dan Teluk Bahang serta pusat peranginan di

Bukit Bendera.

Di KLANG, hujan yang turun sepanjang pagi ini tidak mengendurkan semangat masyarakat Hindu menyambut Deepavali dengan mengunjungi kuil-kuil di sekitar bandar ini untuk memohon restu.

Antara kuil yang paling ramai dikunjungi ialah kuil Subramaniam di pekan Pelabuhan Klang, dan kuil Perumal di persiaran Raja Muda Musa di bandar ini.

Selepas bersembahyang, penganut hindu kembali ke rumah masing-masing dan berkumpul bersama keluarga untuk menikmati hidangan istimewa, sebelum mengadakan rumah terbuka atau mengunjungi sanak saudara.

Di SHAH ALAM, sambutan ini lebih meriah dan mesra apabila kaum dan Cina turut mengunjungi rumah terbuka rakan-rakan mereka.

Suasana sedemikian jelas dilihat di rumah terbuka Pengerusi Jawatankuasa Tetap Perumahan Pekerja-pekerja Ladang dan Lombong dan Perpaduan Datuk K. Sivalingam.

Antara kenamaan yang hadir ialah Menteri Besar Selangor Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo, Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri Tan Sri Muhammad Muhammad Taib dan bekas menteri besar dan juga Adun Permatang Datuk Seri Abu Hassan Omar.

-- BERNAMA

SA RIZ MUN ZS LAT